



Politeknik lahir graduan berkemahiran

» Pelajar lebih berkualiti, berdaya saing, selaras tuntutan kerjaya

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan fhatihah@bh.com.my

Putrajaya

Sebanyak 38,000 tempat disediakan untuk kemasukan ke politeknik bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dan Institut Kemahiran MARA (IKM) tahun ini.

Pengambilan juga termasuk dalam kalangan lepasan program matrikulasi, kolej komuniti dan politeknik di bawah Kementerian Pendidikan.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Haji Mohlis Jaafar (gambar), berkata pengajian di politeknik adalah selari dengan tuntutan industri.



Graduan berkualiti tinggi

Katanya, ia terbukti apabila lebih 55 peratus pekerja dalam industri terbabit adalah graduan daripada institusi pengajian tinggi itu.

“Mengikut Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) tahun 2020, kerajaan memerlukan 1.5 juta tenaga kerja dalam bidang TVET.

“Justeru, kita merancang untuk menyumbang 330,000 dari 680,000 graduan peringkat diploma yang boleh bekerja dalam bidang ini pada tahun 2020,” katanya.

“Kejayaan alumni juga menunjukkan politeknik bukan saja menyasarkan pengeluaran produk berkemahiran tetapi turut membangunkan insan berkualiti dan membina imej dengan reputasi tinggi yang boleh menepati industri,” katanya.

Bagi memantapkan graduannya, Jabatan Pengajian Politeknik menjalinkan kerjasama dengan pelbagai industri selain pensyarah yang juga berpengalaman dalam bidang yang diajar.

“Kita juga sentiasa menggalakkan pihak industri untuk bekerjasama dengan politeknik.

INFO

Pengajian di Politeknik

3 KATEGORI POLITEKNIK



BH 7/2/2015 mls F

perluan industri bagi negara ini seperti kejuruteraan, teknikal dan perkhidmatan.

Katanya, ia selaras dengan misi Kementerian Pendidikan untuk membangunkan modal insan holistik di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan PPPM Pendidikan Tinggi 2015-2025 yang turut memberi penekanan kepada transformasi bagi melahirkan graduan diploma berprestasi tinggi dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) untuk memenuhi keperluan industri negara.

dengan penerusan bagi menyampaikan pengajaran menerusi modul dalam bidang berkaitan," katanya.

Mohlis berkata, pelajar jurusan diploma politeknik juga berpeluang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di beberapa universiti terpilih di bawah perjanjian persefahaman yang dimeterai sebelum ini.

Maklumat lanjut mengenai kemasukan ke politeknik boleh didapati dengan melayari laman web www.politeknik.edu.my atau <http://upu.moe.gov.my>.

Syarat kemasukan ke politeknik sekurang-kurangnya LULUS lima kredit termasuk Bahasa Melayu dalam SPM

- Syarat tambahan lain bergantung kepada program dipohon seperti tidak buta warna ATAU tidak cacat anggota.

Azlan Shah, Perak dan Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor

Syarat kemasukan ke politeknik sekurang-kurangnya LULUS lima kredit termasuk Bahasa Melayu dalam SPM

- Syarat tambahan lain bergantung kepada program dipohon seperti tidak buta warna ATAU tidak cacat anggota.

Johor Bahru, Politeknik Tasek Gelugor, Pulau Pinang dan Politeknik METRO Betong, Sarawak

Syarat kemasukan ke politeknik sekurang-kurangnya LULUS lima kredit termasuk Bahasa Melayu dalam SPM

- Syarat tambahan lain bergantung kepada program dipohon seperti tidak buta warna ATAU tidak cacat anggota.

Ilmu, pengalaman dorong buka syarikat

Klang: Memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Teknologi Berasaskan Kayu dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) amat tinggi nilainya bagi Mohd Syukri Mokhtar.

Mohd Syukri 28 kini memiliki syarikat hiasan dalaman dan hiasan berasaskan kayu, NCKR Interior Design di Kapar selepas menimba pengalaman tujuh tahun seusai pengajiannya di PSA.

Mohd Syukri berkata, beliau cuba membuktikan bahawa sijil kemahiran yang diperolehi untuk

berjaya juga seperti bidang lain.

Kesungguhannya selama dua tahun di PSA, beliau dianugerahkan Pingat Ketua Jabatan berikutan sentiasa mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan akhir.

Bekerja bantu keluarga

"Kekangan kewangan kerana saiz keluarga yang besar menyebabkan saya mengambil keputusan untuk terus bekerja selepas tamat belajar dari PSA pada tahun 2007 bagi membantu tujuh lagi adik yang masih lagi bersekolah.



Mohd Syukri (kiri), sentiasa membantu pekerjaannya membuat kerja kayu di bengkelnya di Kapar, Klang.

[FOTO FAIZ ANUAR/BH]

Pengalaman yang dikutip sepanjang tujuh tahun bekerja di dua syarikat berasaskan hiasan dalaman dan kayu, mendorong Mohd Syukri membuka syarikat sendiri.

"Berebalkan modal permulaan RM5,000 yang disimpan daripada gaji bulanan sepanjang bekerja dengan majikan terdahulu, saya memulakan perniagaan.

Perabot rekaan sendiri

"Kemahiran dari PSA dan pengalaman banyak membantu saya berkenalan dengan ramai orang dan hasilnya, syarikat berjaya berkembang sehingga ke hari ini," katanya.

Sejak bertapak enam bulan lalu, Mohd Syukri hanya menghasilkan konsep hiasan dalaman dan perabot ditempah daripada pihak ketiga.

"Kini saya hasilkan perabot sendiri dengan bantuan tiga pekerja.

"Banyak projek pembangunan yang didirikan saban tahun dan permintaan terhadap kabinet dapur, rumah dan hiasan dalaman sudah tidak dapat ditampung oleh kilang besar, jadi di sinilah peluang untuk pengusaha seperti saya mencari rezeki," katanya.